

'Saya masih boleh jadi PM'

KUALA LUMPUR 13 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika pengerusi tetap UMNO boleh mengendalikan mesyuarat itu dengan baik dalam usianya 80 tahun, beliau juga masih mampu lagi menjadi Perdana Menteri.

Berucap menggulung perbahasan di perhimpunan agung UMNO di sini petang ini beliau secara berseloroh berkata: "Saya ingat saya boleh jugalah sikit-sikit, tapi tak berapa lama lagi."

Beliau berkata demikian semasa menyentuh mengenai soal persaraannya yang katanya ada pihak yang mahu beliau kekal dan ada yang mahu beliau berundur.

"Biasanya saya rahsai-kan (bila akan bersara), kerana sementara ada orang yang suruh saya terus menjadi Perdana Menteri untuk empat, lima penggal lagi iaitu 25 tahun, ada pula yang kata bila lagi... dah lama dah... tua nyanyuk.

"Tapi kalau Tan Sri Pengerusi Tetap UMNO (Tan Sri Sulaiman Ninam Shah) umur 80 tahun masih juga boleh mengurus mesyuarat yang susah ini, saya ingat saya boleh jugalah sikit-sikit, tapi tak berapa lama lagi," katanya.

Mengurus

Presiden UMNO berusia 75 tahun itu telah menjawat jawatan parti itu selama 19 tahun.

Katanya, beliau sebenarnya merancang untuk berundur pada 1998 selepas Sukan Komanwel tetapi terpaksa kekal dalam jawatan.

Beliau membatalkan hasratnya itu setelah berlaku kegawatan politik yang menyaksikan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan kerajaan pada 2 September 1998 dan dipecat daripada UMNO keesokan harinya.

Beliau seterusnya berharap "janganlah sesuatu apa jadi lagi kepada timbalan saya ini (sambil meruiuk kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi). Berilah kepercayaan yang penuh kepada timbalan saya supaya dia dapat menjawat jawatan Perdana Menteri apabila saya bersara."

"Tapi saya belum tetap bila saya nak bersara," katanya spontan dengan disambut gelak ketawa perwakilan.

Sementara itu pada sidang akhbar selepas berakhir perhimpunan itu petang ini, Dr. Mahathir berkata, beliau mahu melihat negara berada di landasan yang kukuh sebelum melepaskan jawatan Perdana Menteri.